

Rencana

# Mahu cantik jangan sampai abai kesihatan

**Wanita** memang tidak dapat lari daripada suka kepada kecantikan diri. Oleh itu, jualan kosmetik seperti pencuci muka, bedak, gincu bibir dan losyen daripada harga termurah hingga paling mahal sering mendapat permintaan tinggi.

Idlan dalam media sosial untuk kosmetik juga selalu mendapat banyak komen daripada wanita untuk membebininya. Wanita suka mencuba kosmetik dengan ia sesuai dengan kulit seterusnya menjadikan mereka lebih putih, kulit licin, gebu serta cantik daripada sebelumnya. Mereka sanggup

mencuba tanpa mengira jenama, isi kandungan dan asal usul kosmetik berkenaan.

Sekiranya, kita rajin meneliti, setiap barang kosmetik sudah ditampal maklumat kandungannya seperti berat dan bahan kimia yang digunakan untuk menghasilkan produk berkenaan. Ada barang kosmetik yang dihasilkan terus

daripada bahan organik, iaitu ramuan semula jadi dan ada yang dihasilkan daripada bahan kimia.

Agak sukar untuk setiap bahan kosmetik dihasilkan seratus peratus daripada bahan semula jadi kerana banyak bahan mentah diperlukan dan keberkesanan kepada kulit.

Oleh itu, bahan kimia diperlukan sebagai tambahan dalam kandungan untuk meningkatkan keberkesanannya.

Dalam hal ini, paraben ialah salah satu bahan kimia yang digunakan secara meluas sebagai bahan pengawet dalam penghasilan produk kosmetik, farmaseutikal, sesetengah bahan makanan dan produk penjagaan diri.

Paraben adalah daripada kumpulan alkil ester asid parahidroksibenzoik. Paraben terdiri daripada beberapa jenis



bergantung kepada kumpulan gantikan yang melekat pada kumpulan induk seperti metilparaben, etilparaben, propilparaben dan benzilparaben.

Paraben dapat membantu untuk mengawet bahan kosmetik supaya tahan lebih lama. Oleh itu, kosmetik dapat dijual di pasar raya, kedai kosmetik dan toko jamu dalam tempoh yang lama. Contohnya, losyen muka dan badan itu dihasilkan pada Julai 2020 dan tamat tempoh penggunaan pada Julai 2022.

Pengawet paraben sudah digunakan dalam bahan kosmetik menjadikan kandungan itu dapat dikoskalkan keberkesanan dan kesannya kepada kulit. Selain itu, keadaan bahan kimia dalam kosmetik dapat bertahan sehingga tamat tempoh.

Namun, kesan paraben kepada pengguna kosmetik sering menjadi tanda tanya. Pelbagai kajian sudah dijalankan dan dilaporkan mengenai bahaya paraben kepada kesihatan pengguna. Namun, penggunaan paraben sudah menjangkau 80 tahun ke-

rana dikatakan tidak bertoksik, murah, tidak berbau dan mempunyai spektrum aktiviti antimikroba.

Walaupun sifatnya tidak bertoksik, paraben dapat melemahkan aktiviti estrogen dan mampu merosakkan sistem endokrin serta dapat mempengaruhi fungsi sistem reproduktif manusia. Penggunaan paraben menjadi kontroversi dalam kalangan pengkaji dan masyarakat namun, sehingga hari ini paraben masih digunakan dalam kosmetik.

Sehubungan itu, penggunaan paraben dalam setiap produk dan kepekatan yang dilepaskan ke alam sekitar mesti dikawal ketat mengikut had yang ditetapkan.

Ia sebagai langkah untuk memastikan kesihatan dan keselamatan pengguna dan alam sekitar.

Kajian sudah banyak dilakukan ke atas paraben dan memfokuskan cara untuk memisahkan serta mengekstrak paraben daripada kosmetik. Kajian ini juga banyak diterbitkan dalam jurnal untuk rujukan pembaca.

**Wanita harus berwaspada dan mengamalkan sikap berhati-hati dalam menggunakan apa sahaja produk kosmetik dalam kehidupan seharian. Sikap suka memastikan keselamatan isi kandungan setiap produk kosmetik yang ingin digunakan adalah sangat baik.**

Oleh itu, wanita harus berwaspada ketika menggunakan apa sahaja produk kosmetik dalam kehidupan seharian. Sikap suka memastikan keselamatan isi kandungan setiap produk kosmetik yang ingin digunakan adalah sangat baik.

Disarankan wanita perlu sentiasa berfikir bahawa produk kosmetik mungkin akan memberikan kesan sampingan dalam kesihatan mereka.

Mengamalkan kecantikan seperti orang zaman dahulu yang menggunakan bahan semula jadi adalah lebih baik daripada kosmetik zaman canggih ini. Kesan penggunaannya akan diperoleh dalam jangka panjang.

Kecantikan luaran memang penting tapi kesihatan dalaman lebih utama. Hati-hati dalam memilih kosmetik di pasaran.

**Penulis adalah** Pensyarah Jabatan Kejuruteraan Kimia dan Proses, Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina, Universiti Kebangsaan Malaysia



**Dr Noorashikin Md Saleh**



Ada wanita mengambil produk kosmetik untuk memelihara tubuh badan serentak pengawet tanpa memperdulikan kesihatan.

(Foto: Hutan)